

14/03/1999

BN tolak Adun lompat parti

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) yang memenangi pilihan raya negeri Sabah tidak akan menerima anggota dewan undangan negeri daripada parti lain yang mahu melompat masuk menyertainya.

"Tidak sama sekali. Kita pernah menerima mereka, tetapi tidak kali ini," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata demikian pada sidang akhbar di kediaman rasminya di Sri Perdana di sini, malam tadi.

Beliau ditanya sama ada BN akan menerima anggota dewan yang baru dipilih dari parti lawan jika mereka ingin melompat ke BN.

Dr Mahathir berkata, pada pilihan raya negeri Sabah 1994, ahli dewan undangan negeri yang melompat dari Parti Bersatu Sabah (PBS) ke BN adalah mereka yang sedar PBS tidak mampu membentuk kerajaan yang berkesan.

"Sebab itu mereka meninggalkan PBS. Kalau mereka terus berada dalam kerajaan PBS, PBS akan terus menjadi kerajaan. Jadi, mereka berpendapat walaupun PBS menjadi kerajaan dan mereka ada dalam PBS tetapi kerajaan PBS tidak berkesan. Sebab itu mereka pindah (ke BN)," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, situasi pilihan raya kali ini berbeza kerana PBS tidak lagi menerajui kepemimpinan Sabah.

Dr Mahathir berkata, beliau sememangnya menjangkakan BN akan mencapai keputusan baik tetapi menurutnya keputusan yang dicapai lebih baik daripada yang dijangkakan.

"Saya ingat (jika) boleh menang 26 atau 27, itu sudah cukup, tetapi nampaknya kita dapat (menang) 31, cuma kurang satu untuk majoriti dua pertiga, ini adalah satu yang tidak kita jangka kerana kita tahu perasaan perkauman di kalangan suku Kadazandusun begitu tebal sekali dan mereka tidak mungkin sokong," katanya.

Bagaimanapun tegasnya di beberapa kawasan, suku Kadazandusun turut memberikan sokongan kepada BN.

Perdana Menteri berkata, kemenangan BN di Sabah itu menunjukkan Umno tetap diterima kerana parti itu memenangi semua kerusi yang ditandingi.

Katanya, kemenangan itu turut membuktikan BN masih mempunyai kredibiliti.

Mengenai sama ada kemenangan itu pengiktirafan kepada kepemimpinan beliau, Dr Mahathir berkata: "Itu orang lainlah kena menilai sama ada ia adalah pengiktirafan kepada kepemimpinan saya atau tidak, tetapi ia menunjuk Umno tetap diterima kerana kita menang semua kerusi dan BN juga masih mempunyai kredibiliti."

Mengenai ramalan awal yang menyatakan BN tidak akan berpeluang menakluki semula Sabah, Dr Mahathir berkata, teori itu dibuat tanpa mengambil kira pandangan rakyat pada peringkat akar umbi.

Beliau berkeyakinan ramalan awal itu dibuat hanya berdasarkan pandangan kumpulan tertentu termasuk golongan atasan yang menganggap diri mereka intelektual.

"Dua tiga bulan dahulu semua orang beritahu kepada saya BN mesti kalah di Sabah. Macam-macamlah sebabnya BN tidak boleh menang.

"Tetapi saya berpendapat apabila saya pergi ke Sabah, sebenarnya dakwaan ini dibuat tanpa mengambil kira peringkat akar umbi. Bila saya ke sana, saya dapati orang biasa ini (yang tidak terlalu terbabit dengan gerakan parti) mereka menyokong kerajaan, mereka begitu sekali peramah dan mereka terima kedatangan pemimpin BN.

"Kedatangan saya juga disambut baik, walaupun di tempat yang dahulunya begitu tebal sekali perasaan antikerajaan," katanya.

(END)